



KUALITI PENSYARAH EFEKTIF TERHADAP PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR DI POLITEKNIK KUCHING SARAWAK

LING YING LEH



**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI
SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH
SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PENDIDIKAN)**



**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2009





PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

15.07.2009

LING YING LEH
M20071000386





PENGHARGAAN

Sepanjang masa dalam menyiapkan projek penulisan sarjana ini, pelbagai masalah telah saya hadapi. Dengan syukur dan doa daripada tuhan, saya mempunyai kesihatan dan kematangan fikiran yang mencukupi untuk meneruskan dan seterusnya menyiapkannya. Pertama sekali, saya ingin mengambil peluang untuk menyampaikan jutaan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Prof. Madya Hariri Bin Kamis atas kesabaran, kesungguhan, dan kepakaran beliau untuk mengajar, membimbing, menegur, dan menasihati saya sepanjang pengajian saya dalam program sarjana ini. Jasanya yang saya rasa tidak mampu untuk dibalas kembali hingga ke akhir hayat saya. Banyak perkara baru dalam bidang penyelidikan dan pendidikan telah saya belajar daripada beliau. Beliau satu-satunya yang menjadi pendorong kepada saya untuk terus melibatkan diri dalam perancangan dan pelaksanaan kajian dalam dunia kerjaya saya.

Terima kasih saya juga ucapkan kepada para pensyarah dari Fakulti Perniagaan dan Ekonomi khususnya atas dorongan dan nasihat yang telah banyak membantu menguatkan lagi semangat dan azam saya untuk meneruskan penulisan ini.

Setinggi-tinggi terima kasih juga ditujukan kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Sektor Pengurusan Politeknik, dan Politeknik Kuching Sarawak atas segala keizinan dan kerjasama yang telah diberikan kepada saya dalam menjayakan pelaksanaan kajian ini sehingga menyiapkan penulisan ini.



Tidak lupa juga saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada para pustakawan yang berkhidmat di Pustaka Negeri Sarawak dan *Centre for Academic Information Services*, Universiti Malaysia Sarawak kerana sentiasa memberi bantuan rujukan yang membina kepada saya.

Sekalung penghargaan juga tidak saya lupakan buat En. Lau Sie Hoe, selaku pensyarah dari Universiti Teknologi MARA yang telah banyak memberi input dari segi kaedah analisis kajian sepanjang penulisan saya.

Setinggi-tinggi terima kasih juga ditujukan kepada para pelajar saya di Politeknik Kuching Sarawak atas kesabaran, kesefahaman, dan kesudian yang diberi kepada saya sepanjang pengajian saya di peringkat sarjana ini.

Akhir sekali, saya ingin menyampaikan rasa penghargaan yang tertinggi kepada ahli-ahli keluarga saya, khususnya ibu bapa saya yang paling disayangi atas sokongan moral daripada mereka sepanjang pengajian saya.





ABSTRAK

Sektor pendidikan di Malaysia kini mengalami transformasi secara besar-besaran sejak Malaysia mencapai kemerdekaan dengan melahirkan golongan intelek dan guna tenaga yang memenuhi keperluan dalam pelbagai bidang. Sejajar dengan penubuhan politeknik yang semakin banyak, maka isu terhadap pensyarah efektif adalah satu keperluan penting untuk melahirkan golongan intelek dan guna tenaga yang boleh bersaing dalam dunia pekerjaan. Pensyarah yang mengajar di politeknik harus mempunyai kelayakan dari aspek kriteria standard pensyarah yang ditetapkan untuk memenuhi misi dan visi institusi. Memandangkan standard-standard yang ditetapkan bagi institusi-institusi adalah berbeza sama ada di dalam atau di luar negara, persoalannya apakah standard yang betul-betul dapat menjamin kualiti pengajaran pensyarah di politeknik terhadap kepentingan pelajar dalam pencapaiannya sama ada dalam kurikulum, kokurikulum ataupun perkembangan potensi pelajar dari segi intelek, emosi, jasmani, dan rohani. Sejauh manakah dan apakah kriteria-kriteria standard yang ditetapkan dapat mempengaruhi pencapaian akademik para pelajar? Oleh demikian, kajian ini dijalankan dengan objektif untuk menilai kriteria standard yang diamalkan oleh seseorang pensyarah dalam usaha meningkatkan pencapaian akademik pelajar di Politeknik Kuching Sarawak. Kriteria standard yang dikaji meninjau pensyarah daripada aspek kualiti peribadi, kemahiran profesional mengajar dan berkomunikasi, kualiti pengajaran dan kemahiran penyeliaan, penasihat dan mentoring terhadap pencapaian akademik pelajar. Sebanyak 234 orang responden di kalangan pelajar program diploma semester 5 dan pelajar program sijil semester 4 telah dipilih melalui kaedah persampelan rawak berlapis untuk menjawab soal selidik yang disediakan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pada aras keertian 0.05, tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi persepsi pelajar mengikut jantina terhadap kriteria standard pensyarah. Selain itu, kajian juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi persepsi pelajar mengikut bangsa terhadap semua kriteria standard pensyarah. Kajian telah mendapati terdapat hubungan positif antara semua kriteria standard pensyarah dengan gred pencapaian pelajar.





ABSTRACT

The Malaysian education field has gone through some major transformations since the country achieved its independence. Malaysia needs to have first class human capital to face various global and local challenges. Sufficient human capital is crucial to boost up the country's development to a higher level, to face challenges (local and global contexts), to strengthen the economy and as a catalyst in putting the country on the world map. As a higher learning institution that aims to provide quality education, polytechnics in Malaysia, need to address on the issue of effective lecturers. The lecturers in Malaysian polytechnics must possess the standard criteria in the teaching profession to fulfill the mission and vision of the institution and the nation. The interpretation of "standard quality", local and overseas alike, may differ from one learning institution to another. Consequently, this raises some pertinent questions. They are; (1) What "standard" that can be implemented to ensure that the teaching quality and students' achievements (academic and non-academic) as well as the individual developments (intellect, emotion, physical, and spiritual) are of high quality and (2) To what extent do the standard criteria influence the students' academic performance? This research aims to assess/evaluate the standard teaching criteria being practiced by a polytechnic lecturer. The different aspects of standard criteria that have identified for this research are: personal qualities, professional / teaching and communication skills, quality of teaching, supervising, advising and monitoring skills on students' academic achievements. A number of 234 respondents, of taking diploma courses (semester 5) and certificate courses (semester 4), have been randomly selected for the questionnaires. On the significance level of 0.05, the findings of the research show that there is no significant difference between gender and students' perceptions on the lecturers' standard criterions (value= 0.05). There is also no significant difference between racial / ethnic background of students and the perceptions on a lecturer's standard criterions. The research also shows that there is a positive relationship among the students' achievement grade and lecturers' standard criterion.





KANDUNGAN

Muka Surat

HALAMAN JUDUL	i
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
BAB I PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.1.1 Harapan Dan Aspirasi Wawasan 2020	3
1.1.2 Misi Nasional – Pendekatan Dan Strategik Yang Holistik	4
1.1.3 Pelaksanaan Skim Perkhidmatan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT)	5
1.1.4 Penubuhan Jabatan Pengajian Politeknik Dan Kolej Komuniti	6
1.1.5 Profesion Pensyarah Di Politeknik	7
1.1.6 Pembentukan Modal Insan Kelas Pertama	9
1.2 Pernyataan Masalah Kajian	13
1.2.1 Kriteria Standard Perguruan Di Luar Negara	13
1.2.2 Kriteria Standard Perguruan Di Dalam Negara	17
1.3 Objektif Kajian	23
1.3.1 Objektif Umum	23





1.3.2	Objektif Khusus	23
1.4	Persoalan Kajian	24
1.5	Hipotesis Kajian	25
1.6	Rangka Konseptual Kajian	27
1.7	Batasan Kajian	28
1.8	Kepentingan Kajian	29
1.9	Definisi Operasional	31
1.9.1	Pensyarah	31
1.9.2	Kriteria	31
1.9.3	Standard	32
1.10	Skop Kajian	32
1.11	Kesimpulan	33

BAB II TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	34
2.2	Guru Efektif Atau Guru Tidak Efektif: Siapa Memutuskannya?	35
2.3	Kajian-Kajian Lepas Tentang Ciri-Ciri Efektif Guru	36
2.4	Penilaian Ke Atas Guru Efektif	45
2.5	Perspektif Pelajar Terhadap Ciri-Ciri Guru Efektif	46
2.6	Perbandingan Antara Jantina Dan Bangsa	49
2.7	Kualiti Peribadi	50
2.8	Kemahiran Profesional Mengajar Dan Berkomunikasi	52
2.9	Kualiti Pengajaran	55
2.10	Penyeliaan, Penasihatatan Dan Mentoring	59
2.11	Kesimpulan	60



**BAB III METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	61
3.2	Rekabentuk Kajian	62
3.3	Populasi Dan Sampel Kajian	65
3.4	Instrumen Kajian	68
3.5	Subjek Kajian	74
3.6	Pentadbiran Soal Selidik	75
3.7	Kajian Rintis	76
3.8	Analisis Kajian	78
3.8.1	Ujian- t	79
3.8.2	Ujian ANOVA (Ujian F)	81
3.8.3	Ujian Korelasi Pearson ' r '	82
3.9	Kesimpulan	85

**BAB IV DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pengenalan	86
4.2	Profil Responden	87
4.2.1	Jantina	87
4.2.2	Bangsa	88
4.2.3	Peringkat Pengajian	88
4.2.4	Gred Pencapaian B1001/B1008/P1107	89
4.2.5	Jabatan	90
4.3	Penganalisaan Kriteria Standard Profesion Pensyarah	91
4.3.1	Mengenalpasti kriteria standard yang berkesan yang diamalkan oleh pensyarah mengikut persepsi pelajar	91
	Kriteria Kualiti Peribadi	91



	Kriteria Kemahiran Profesional / Mengajar Dan Berkomunikasi	92
	Kriteria Kualiti Pengajaran	93
	Kriteria Penyeliaan, Penasihatn Dan Mentoring	96
4.3.2	Mengenalpasti perbezaan antara kriteria standard pensyarah dalam pengajaran dengan persepsi pelajar mengikut jantina	97
	Kriteria Kualiti Peribadi	97
	Kriteria Kemahiran Profesional / Mengajar Dan Berkomunikasi	98
	Kriteria Kualiti Pengajaran	99
	Kriteria Penyeliaan, Penasihatn Dan Mentoring	101
4.3.3	Mengenalpasti perbezaan antara kriteria standard pensyarah dalam pengajaran dengan persepsi pelajar mengikut bangsa	102
	Kriteria Kualiti Peribadi	102
	Kriteria Kemahiran Profesional / Mengajar Dan Berkomunikasi	103
	Kriteria Kualiti Pengajaran	104
	Kriteria Penyeliaan, Penasihatn Dan Mentoring	106
4.4	Hubungan Antara Kriteria Standard Pensyarah Dengan Pencapaian Pelajar	108
4.4.1	Hubungan Antara Kualiti Peribadi Pensyarah Dengan Gred Pencapaian Pelajar	108
4.4.2	Hubungan Antara Kemahiran Profesional / Mengajar & Berkomunikasi Dengan Gred Pencapaian Pelajar	109
4.4.3	Hubungan Antara Kualiti Pengajaran Pensyarah Dengan Gred Pencapaian Pelajar	109
4.4.4	Hubungan Antara Kemahiran Penyeliaan, Penasihatn Dan Mentoring Dengan Gred Pencapaian Pelajar	110
4.5	Kesimpulan	110

BAB V PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	112
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	113
5.2.1	Profil Responden	113
5.2.2	Mengenalpasti kriteria standard yang berkesan yang diamalkan oleh pensyarah mengikut persepsi pelajar	114
	Kriteria Kualiti Peribadi	114
	Kriteria Kemahiran Profesional / Mengajar Dan Berkomunikasi	116
	Kriteria Kualiti Pengajaran – Rangka Kursus	118
	Kriteria Kualiti Pengajaran – Pengurusan Kursus	120
	Kriteria Kualiti Pengajaran – Aktiviti Pengajaran Dan Pembelajaran	120
	Kriteria Kualiti Pengajaran – Penilaian	121
	Kriteria Kemahiran Penyeliaan, Penasihat dan Mentoring	123
5.2.3	Mengenalpasti perbezaan antara kriteria standard pensyarah dalam pengajaran dengan persepsi pelajar mengikut jantina	124
5.2.4	Mengenalpasti perbezaan antara kriteria standard pensyarah dalam pengajaran dengan persepsi pelajar mengikut bangsa	125
5.2.5	Hubungan antara kriteria standard pensyarah dengan pencapaian pelajar	127
	Hubungan Antara Kualiti Peribadi Pensyarah Dengan Gred Pencapaian Pelajar	127
	Hubungan Antara Kemahiran Profesional / Mengajar Dan Berkomunikasi Dengan Gred Pencapaian Pelajar	127
	Hubungan Antara Kualiti Pengajaran Dengan Gred Pencapaian Pelajar	128

	Hubungan Antara Kemahiran Penyeliaan, Penasihat Dan Mentoring Dengan Gred Pencapaian Pelajar	129
5.3	Rumusan	130
5.4	Cadangan Peningkatan Pengajaran Berkesan Di Kalangan Pensyarah Politeknik	131
5.5	Cadangan Kajian Akan Datang	133
5.6	Kesimpulan	138
	BIBLIOGRAFI	140
	LAMPIRAN	
A	Soal Selidik Pelajar	151
B	Surat Kebenaran Daripada Pengarah Perancangan Dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia	161
C	Surat Kebenaran Daripada Pengarah Bahagian Pembangunan Akademik, Sektor Pengurusan Politeknik, Jabatan Pengajian Politeknik Dan Kolej Komuniti	164
D	Surat Kebenaran Daripada Pengarah Politeknik Kuching Sarawak	167
E	Memo Dalam Daripada Pengarah Politeknik Kuching Sarawak	169

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
1.1 Ciri Modal Insan Kelas Pertama	5
2.1 Rumusan Tentang Ciri Guru Efektif Dan Amalan	36
2.2 Sifat-Sifat Yang Harus Ada Pada Seorang Guru	37
2.3 Sifat-Sifat Deskriptif Guru Cemerlang Lowman (1995)	41
2.4 Ciri-Ciri Guru Berkualiti Dalam <i>Teacher Behavior Checklist</i> (TBC)	43
3.1 Sampel Kajian Dipilih Melalui Kaedah Persampelan Rawak Berlapis	71
3.2 Agihan Dan Pulangan Soal Selidik	74
3.3 Kekuatan Nilai Pekali Korelasi	84
3.4 Kaedah Statistik Penganalisaan Data Dan Alat Uji	85
4.1 Taburan Responden Mengikut Jantina	87
4.2 Taburan Responden Mengikut Bangsa	88
4.3 Taburan Responden Mengikut Peringkat Pengajian	88
4.4 Taburan Responden Mengikut Gred Pencapaian	89
4.5 Taburan Responden Mengikut Jabatan	90
4.6 Min Dan Sisihan Piawai Bagi Kriteria Kualiti Peribadi Yang Diamalkan Oleh Pensyarah Mengikut Persepsi Pelajar	91
4.7 Min Dan Sisihan Piawai Bagi Kriteria Kemahiran Profesional / Mengajar Dan Berkomunikasi Yang Diamalkan Oleh Pensyarah Mengikut Persepsi Pelajar	93
4.8 Min Dan Sisihan Piawai Bagi Kriteria Kualiti Pengajaran Yang Diamalkan Oleh Pensyarah Mengikut Persepsi Pelajar	95
4.9 Min Dan Sisihan Piawai Bagi Kriteria Penyeliaan, Penasihat, Dan Mentoring Yang Diamalkan Oleh Pensyarah Mengikut Persepsi Pelajar	96



4.10	Perbezaan Antara Kriteria Kualiti Peribadi Di Kalangan Pensyarah Dengan Persepsi Pelajar Mengikut Jantina	97
4.11	Perbezaan Antara Kriteria Kualiti Kemahiran Profesional / Mengajar Dan Berkomunikasi Di Kalangan Pensyarah Dengan Persepsi Pelajar Mengikut Jantina	98
4.12	Perbezaan Antara Kriteria Kualiti Pengajaran Di Kalangan Pensyarah Dengan Persepsi Pelajar Mengikut Jantina	100
4.13	Perbezaan Antara Kriteria Penyeliaan, Penasihatn, Dan Mentoring Di Kalangan Pensyarah Dengan Persepsi Pelajar Mengikut Jantina	101
4.14	Perbezaan Antara Kriteria Kualiti Peribadi Di Kalangan Pensyarah Dengan Persepsi Pelajar Mengikut Bangsa	102
4.15	Perbezaan Antara Kriteria Kemahiran Profesional / Mengajar Dan Berkomunikasi Di Kalangan Pensyarah Dengan Persepsi Pelajar Mengikut Bangsa	103
4.16	Perbezaan Antara Kriteria Kualiti Pengajaran Di Kalangan Pensyarah Dengan Persepsi Pelajar Mengikut Bangsa	105
4.17	Perbezaan Antara Kriteria Penyeliaan, Penasihatn, Dan Mentoring Di Kalangan Pensyarah Dengan Persepsi Pelajar Mengikut Bangsa	107
4.18	Analisis Korelasi Antara Kriteria Standard Pensyarah Dengan Gred Pencapaian Pelajar	108





SENARAI RAJAH

	Rajah	Muka Surat
1.1	Lima Teras Misi Nasional	5
3.1	Carta pemilihan sampel melalui kaedah persampelan rawak berlapis	70



SENARAI SINGKATAN

ADEPT	<i>Assisting, Developing, Evaluating, Professional Teaching</i>
DAT	Diploma Akauntasi
DKA	Diploma Kejuruteraan Awam
DKE	Diploma Kejuruteraan Elektrik
DKM	Diploma Kejuruteraan Mekanikal
DIP	Diploma Teknologi Maklumat (Pengaturcaraan)
DPM	Diploma Pengajian Perniagaan
et al.	dan pengarang-pengarang lain
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
INTASC	<i>Interstate New Teacher Assessment and Support Consortium</i>
IPT	Institusi Pengajian Tinggi
ISTE	<i>International Society for Technology in Education</i>
JKA	Jabatan Kejuruteraan Awam
JKE	Jabatan Kejuruteraan Elektrik
JKM	Jabatan Kejuruteraan Mekanikal
JKPK	Jabatan Kejuruteraan Petrokimia
JMSK	Jabatan Matematik, Sains dan Komputer
JP	Jabatan Perdagangan
JPA	Jabatan Pengajian Am
JPPKK	Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti
JTMK	Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
KPTM	Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
NETS.T	<i>National Educational Technology Standards for Teachers</i>
PPPT	Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi
SEI	Sijil Kejuruteraan Elektronik (Petroleum)
SET	Sijil Kejuruteraan Elektrik (Petroleum)
SGM	Standard Guru Malaysia
SIT	Sijil Teknologi Maklumat
SJP	Sijil Kejuruteraan Kimia & Proses
SKA	Sijil Kejuruteraan Awam
SKE	Sijil Kejuruteraan Elektrik
SKM	Sijil Kejuruteraan Mekanikal
SPB	Sijil Perkhidmatan Bangunan
SPE	Sijil Kejuruteraan Mekanikal (Petroleum)
SPK	Sijil Penyimpanan Kira
SPP	Sijil Pengajian Perniagaan
SUT	Sijil Ukur Tanah
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UPM	Universiti Putra Malaysia
USM	Universiti Sains Malaysia



BAB I

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Dinamika pendidikan global yang sentiasa berubah dan keperluan untuk memperkasakan generasi muda bagi menyumbang kepada proses pembinaan dan pembangunan negara adalah amat penting. Dalam konteks ini, institusi pengajian tinggi termasuk politeknik dan kolej komuniti juga memainkan peranan kritikal dalam menyampaikan ilmu pengetahuan dan kemahiran kepada pemegang amanah, terutama sekali pelajar. Menyedari hakikat ini, perancangan teliti dan berbentuk jangka panjang dapat dilihat dalam Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara (PSPTN) yang mempunyai enam teras utama yang meliputi pelbagai aspek pendidikan, khususnya dalam pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan pembangunan serta penerbitan dalam usaha menyediakan pendidikan berkualiti yang setaraf dan setanding dengan institusi pendidikan yang terkemuka di dunia (Jawatankuasa Induk PIN Pendidikan Tinggi, 2005).



Sektor pendidikan kini mengalami transformasi secara besar-besaran sejak Malaysia mencapai kemerdekaan dengan melahirkan golongan intelek dan guna tenaga yang memenuhi keperluan dalam pelbagai bidang. Sejajar dengan penubuhan IPT yang semakin banyak, justeru isu terhadap pengajar efektif adalah satu keperluan penting untuk melahirkan golongan intelek dan guna tenaga yang boleh berhadapan dengan persaingan dunia pekerjaan. Dalam ucapan Datuk Seri Khaled Nordin sempena 51 tahun kemerdekaan di UiTM Kampus Manjang seperti berikut:

“Dengan hanya bermula daripada sebuah universiti iaitu Universiti Malaya pada tahun 1959, kini terdapat 20 buah universiti awam dan 40 buah universiti swasta dan beratus-ratus kolej universiti, politeknik, dan kolej komuniti yang suatu ketika dahulu tidak terfikir ada. Usaha kini terhasil apabila lebih ramai golongan profesional dilahirkan bukan sahaja menepati kualiti tetapi dalam setiap pencapaian keperluan pembangunan modal insan ia mengikut keperluan pelbagai industri”.

(Utusan Borneo, 31 Ogos 2008)

Menurut Khadijah Khalid (2009), Malaysia kini perlu mengenalpasti permasalahan dan cabaran hari ini seperti kurikulum yang lapuk, pensyarah yang tidak berkecekapan, pentadbir yang kurang efisien, dan prasarana yang tidak memuaskan serta mencari jalan untuk merancang dan mengadakan pelan strategik. Ini perlu bagi meningkatkan kualiti dan mewujudkan kepimpinan dan urus tadbir cemerlang dalam sektor pendidikan tinggi. Maka, perancangan strategik sebegini amat perlu dalam usaha memacu pembangunan bangsa dan negara.

1.1.1 Harapan Dan Aspirasi Wawasan 2020

Menjelang tahun 2020, Malaysia berhasrat menjadi sebuah negara maju mengikut acuan sendiri, iaitu mencapai kemajuan seimbang daripada segi ekonomi, politik, sosial, kerohanian, dan kebudayaan. Malaysia kini berada pada peringkat pertengahan dan sedang memasuki fasa 15 tahun yang kedua ke arah mencapai Wawasan 2020. Sepanjang fasa 15 tahun pertama, banyak kemajuan telah dicapai dalam pelbagai bidang. Namun, perubahan pesat pada dunia hari ini telah menuntut Malaysia untuk segera berubah agar mampu melonjak ke tahap maju. Fasa tersebut juga telah mengetengahkan bidang pendidikan yang masih memerlukan penambahbaikan dan perhatian khusus agar dapat melakukan lonjakan terakhir untuk mencapai status negara maju yang dicitakan dalam Wawasan 2020 (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, KPM, 2006).

Untuk menjadikan pendidikan negara bertaraf dunia, perubahan yang hendak dibuat mestilah sesuai dengan tuntutan semasa. Dalam konteks Malaysia, sistem pendidikan mesti dibangunkan dan dibuat pembaharuan supaya ia dapat memenuhi tuntutan Wawasan 2020 kerana wawasan ini tidak akan menjadi kenyataan tanpa pembangunan sumber manusia dari segi kuantitatif dan kualitatif (Mohd. Haflah Piei, 2003). Perubahan dan pembaharuan adalah berdasarkan hakikat bahawa tanpa sistem pendidikan yang bertaraf dunia, impian untuk mentransformasikan Malaysia menjadi negara maju tidak mungkin dapat dicapai.

1.1.2 Misi Nasional – Pendekatan Dan Strategi Yang Holistik

Sebagai sebuah negara membangun, Malaysia menghadapi tekanan dan cabaran besar dalam mendepani persaingan abad ke-21. Namun keazaman Malaysia untuk menjadi sebuah negara yang maju, berdaya saing, dan teguh tetap kekal utuh. Sehubungan itu, kerajaan di bawah kepimpinan Perdana Menteri, Y.A.B. Dato' Seri Abdullah Hj. Ahmad Badawi telah memperkenalkan rangka kerja pelaksanaan baru, iaitu Misi Nasional bagi mencapai wawasan dan matlamat negara dalam jangka masa 15 tahun akan datang. Misi Nasional juga disediakan bagi menggariskan pendekatan yang akan dilaksanakan untuk menangani cabaran dan mencapai matlamat negara seperti mana yang telah ditetapkan dalam Wawasan 2020 (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, 2006).

Bagi merealisasikan cita-cita negara, satu usaha besar ke arah peningkatan daya saing, produktiviti serta inovasi negara harus dilaksanakan. Sifat-sifat seperti suka menimba ilmu pengetahuan, berfikiran inovatif dan kreatif serta berdaya saing harus dibangunkan di kalangan rakyat. Pemupukan nilai-nilai murni, penampilan progresif dan budaya prestasi tinggi dalam masyarakat juga harus ditekankan demi melahirkan individu-individu yang berkualiti dan berjaya. Inilah yang akan menentukan kejayaan masa depan Malaysia sebagai sebuah negara yang berasaskan pengetahuan. Berdasarkan perkara tersebut, Misi Nasional dan Rancangan Malaysia Kesembilan telah menetapkan pembangunan modal insan minda kelas pertama sebagai salah satu daripada lima teras pembangunan negara (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, 2006).

Misi Nasional memberikan penekanan tinggi ke atas pembangunan modal insan ‘minda kelas pertama’ dan bina upaya sebagai pendekatan utama bagi melonjak ke status negara maju (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, 2006). Bagi mencapai prestasi yang tinggi dan impak maksimum daripada pembangunan nasional, Misi Nasional telah menggariskan lima teras utama seperti yang ditunjukkan pada Rajah 1.1. Peranan pendidikan amat penting dalam menjayakan kelima-lima teras Misi Nasional. Dua daripada lima teras tersebut, iaitu teras kedua dan teras ketiga, telah menyatakan peranan pendidikan secara langsung.

Rajah 1.1
Lima Teras Misi Nasional

Teras 1	Meningkatkan ekonomi dalam rantai nilai lebih tinggi.
Teras 2	Meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk ‘minda kelas pertama’
Teras 3	Menangani masalah ketidakseimbangan sosioekonomi yang berterusan secara membina dan produktif.
Teras 4	Meningkatkan tahap dan kemampanan kualiti hidup.
Teras 5	Mengukuhkan keupayaan institusi dan pelaksanaan.

Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan,
Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010

1.1.3 Pelaksanaan Skim Perkhidmatan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT)

Sehingga tahun 2007, Skim Perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lulusan Diploma (PPPLD) dan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) masih digunakan di Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) iaitu di politeknik dan kolej komuniti. Status PPPLD dan PPPS yang terlibat adalah secara kader, pinjaman atau pertukaran sementara. Ketua perkhidmatan bagi PPPLD dan PPPS masih adalah Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia.



Akhirnya kerajaan Persekutuan telah mengambil kira kedudukan PPLD dan PPPS di KPTM, politeknik dan kolej komuniti. Kerajaan telah memutuskan untuk mewujudkan satu skim perkhidmatan bersepadu baru iaitu Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) melalui Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 33 Tahun 2007 yang digubal khas untuk melaksanakan fungsi-fungsi tertentu di bawah KPTM dan sebagai tenaga pengajar di politeknik dan kolej komuniti.

1.1.4 Penubuhan Jabatan Pengajian Politeknik Dan Kolej Komuniti (JPPKK)

Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) telah ditubuhkan pada 1 Januari 2005 bertanggungjawab ke atas 64 buah institusi pendidikan yang terdiri daripada 27 buah politeknik dan 37 buah kolej komuniti di seluruh Malaysia pada masa kini. Penubuhan JPPKK komited untuk memartabatkan pendidikan dan latihan politeknik dan kolej komuniti bagi memenuhi keperluan pembangunan modal insan melalui pengurusan yang strategik, kurikulum yang relevan dan dinamik, program latihan dan kerjaya yang efektif, penjaminan kualiti yang berterusan, dan khidmat sokongan yang mantap berteraskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). JPPKK beriltizam untuk menjadi peneraju dalam pendidikan dan latihan di peringkat separa profesional yang berkualiti dan bertaraf dunia serta pemangkin pembelajaran sepanjang hayat yang berkesan bagi memenuhi keperluan pembangunan modal insan negara (JPPKK, 2009).



1.1.5 Profesion Pensyarah Di Politeknik

Pensyarah di politeknik adalah profesion yang diangkat martabatnya dalam masyarakat kita pada hari ini. Wawasan negara kita adalah untuk menjadi sebuah negara perindustrian maju. Berteraskan matlamat inilah, politeknik telah menjadi sebuah institusi utama dalam memberi pendidikan teknikal dan perdagangan yang berkualiti. Para pensyarah yang sedang berkhidmat di politeknik memikul tanggungjawab yang besar untuk melahirkan dan merealisasikan graduan politeknik yang berkualiti, beretika, berdedikasi, berilmu, dan komited (Ling & Lau, 2008).

Selaras dengan FPK, setiap pensyarah yang berkhidmat di politeknik harus terus menyalurkan ilmu dan kepakarannya agar lebih banyak pelajar yang berkualiti dari pelbagai segi terutamanya akademik dan kokurikulum dapat dilahirkan. Pensyarah yang unggul juga bakal melahirkan insan-insan yang dititikberatkan dengan sahsiah yang tinggi agar mampu menangani arus perkembangan serta komited untuk menyahut seruan dan cabaran pada masa depan (Ling & Lau, 2008).

Secara umum, ahli-ahli akademik adalah penting dalam usaha meningkatkan kecemerlangan sesebuah institusi pengajian tinggi (IPT) dan membentuk pelajar yang berketerampilan. Untuk menghasilkan modal insan dengan minda kelas pertama, setiap IPT termasuk politeknik dan kolej komuniti perlu mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk menarik perhatian pelajar supaya berusaha ke arah kecemerlangan dan memberikan rangsangan kepada ahli-ahli akademik untuk terus menyampaikan ilmu pengetahuan. Untuk membentuk budaya profesionalisme dalam kalangan ahli akademik,

perkara-perkara berikut perlu diberi keutamaan iaitu (1) Meningkatkan kualiti profesionalisme, (2) Membangunkan program latihan profesionalisme, dan (3) Memberikan pengiktirafan dan penganugerahan (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2007).

Ahli-ahli akademik di politeknik dan kolej komuniti harus memberikan pendidikan berkualiti kepada pelajar kerana pendidikan memainkan peranan yang amat penting dalam proses pembangunan sumber daya manusia di sebuah negara (Umaedi, 1999). Pendidikan berkualiti tersebut boleh didefinisikan sebagai sistem pendidikan yang dapat memuaskan keperluan dan harapan pengguna dan melalui proses penambahbaikan secara berterusan.

Menurut Umaedi (1999), pendekatan kualiti yang digunakan dalam pendidikan adalah suatu pendekatan untuk mewujudkan sebuah institusi pendidikan yang efisien serta efektif bagi mencapai piawaian yang ditetapkan. Kualiti menjadi agenda terpenting bagi sesebuah organisasi pendidikan dan aktiviti penambahbaikan kualiti pula merupakan satu tugas mencabar yang perlu dihadapi oleh semua pihak. Justeru, peranan dan tanggungjawab pensyarah adalah penting kerana secara tidak langsung mempengaruhi kualiti pelajar yang akan dilahirkan. Rentetan daripada fenomena tersebut, pensyarah perlu berkeupayaan dalam usaha menghasilkan pelajar yang berkemampuan dan berkualiti tinggi.



1.1.6 Pembentukan Modal Insan Kelas Pertama

Pembentukan modal insan kelas pertama jelas melalui petikan ucapan Perdana Menteri semasa membentangkan RMKe-9 pada 31 Mac 2006:

“Pembangunan modal insan yang berkualiti akan diperluas. Pendekatan perlu bercorak holistik dan memberi penekanan kepada pembangunan pengetahuan, kemahiran, modal intelektual di dalam bidang seperti sains, teknologi, dan keusahawanan. Pada masa yang sama, kita mesti membangunkan satu budaya yang progresif, diiringi nilai-nilai etika dan moral yang tinggi. Inilah yang dimaksudkan dengan modal insan mentaliti kelas pertama.”

(Dato’ Seri Abdullah Bin Haji Ahmad Badawi, 31 Mac 2006)



Kejayaan agenda pembangunan modal insan amat bergantung kepada mutu sistem pendidikan negara. Justeru, penggubalan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara dan Pelan Tindakan Pengajian Tinggi Negara 2007-2010 merupakan anjakan ke arah meningkatkan pembangunan modal insan dengan memperkasa pengajian tinggi untuk kepentingan pembangunan negara dan memartabatkannya di persada nasional dan antarabangsa. Usaha ini meletakkan asas yang kukuh bagi meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2007).



Pendidikan memainkan peranan penting dalam membangunkan modal insan yang mempunyai jati diri yang kukuh, berketerampilan, berkeperibadian mulia, berpengetahuan, dan berkemahiran tinggi bagi mengisi keperluan negara maju 2020. Pendidikan bertujuan untuk meneruskan pembangunan sahsiah dan membentuk keupayaan pelajar secara holistik melalui pembelajaran kemahiran khusus, merealisasikan keupayaan intelektual, fizikal, dan kerohanian serta melahirkan modal insan yang cemerlang. Berdasarkan ini, KPTM telah mengkategorikan modal insan kepada klasifikasi mengikut ciri utama meliputi pengetahuan, keperibadian, dan kemahiran berinteraksi seperti dalam Jadual 1.1.

Jadual 1.1
Ciri Modal Insan Kelas Pertama

Ciri	Klasifikasi
Ilmu Pengetahuan	- Penguasaan dalam subjek teras dan keupayaan memanfaatkan ilmu pengetahuan - Penguasaan bahasa Malaysia dan Inggeris serta sekurang-kurangnya satu bahasa global - Minat berterusan untuk menimba ilmu menerusi pembelajaran sepanjang hayat (PSH) - Memiliki pengetahuan am yang meluas dan mengikuti perkembangan hal ehwal semasa - Menghargai seni, budaya, dan sukan - Berkemahiran menganalisis dan menyelesaikan masalah - Pendedahan kepada prinsip perniagaan dan pengurusan serta teknologi. - Keterampilan berkomunikasi dan penyampaian berkesan. - Keupayaan menyesuaikan diri dan mudah bergaul dengan orang ramai pada pelbagai peringkat. - Keupayaan untuk maju dan mempunyai kekuatan diri serta rangkaian profesional.
Kemahiran Berinteraksi Keperibadian	- Kepemimpinan dan kerja berpasukan. - Berorientasikan matlamat: proaktif, daya tahan diri, disiplin, yakin, bermotivasi, dan berdaya saing di peringkat global. - Intelektual: kreatif, inovatif, dan mempunyai kemahiran berfikir secara kritikal. - Cepat belajar, mudah menyesuaikan diri, dan fleksibel. - Memiliki sifat-sifat keusahawanan. - Beretika dan bermoral tinggi. - Kerohanian yang teguh - Bersifat penyayang dan prihatin (melalui khidmat masyarakat dan kerja sukarela).

Sumber: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia,
Pelan Tindakan Pengajian Tinggi 2006-2010

Dunia pendidikan negara kita kini semakin berkembang. Peningkatan dari segi pencapaian pelajar tidak kira dalam peperiksaan apa sekalipun di sekolah akhir-akhir ini memperlihatkan betapa tinggi kesedaran terhadap pentingnya ilmu pengetahuan sebagai bekalan masa depan semakin meningkat (M. Jasni Majed, 2008). Negara kini sangat memerlukan modal insan kelas pertama bagi meningkatkan kemajuan yang telah sedia ada, mendepani pelbagai saingan di peringkat negara dan global, malah memperkukuh ekonomi, sahsiah, dan sebagainya sebagai usaha melonjak negara ke peringkat antarabangsa.

Dalam agenda Rancangan Malaysia Kesembilan bagi tempoh 2006-2010 amat mementingkan pembentukan modal insan bertaraf kelas pertama. Sejumlah 21% daripada keseluruhan perbelanjaan sebanyak RM33.4 bilion diumumkan oleh Dato' Seri Abdullah Bin Haji Ahmad Badawi khusus untuk memacu institusi pendidikan dan latihan di dalam usaha memperkasa modal insan berteraskan ilmu pengetahuan. Sementara itu, Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 menetapkan Teras Membangunkan Modal Insan sebagai tunjang utama pelaksanaannya (Dato' Seri Abdullah Bin Haji Ahmad Badawi, 31 Mac 2006).

Misi transformasi yang dianjurkan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara bertujuan untuk membangunkan modal insan yang mempunyai keupayaan pengetahuan, kemahiran, dan ciri-ciri peribadi yang unggul. Transformasi ini juga selaras dengan visi KPTM untuk menjadikan Malaysia sebagai hab kecemerlangan pengajian tinggi di peringkat antarabangsa (JPPKK, 2009).



Justeru, KPTM perlu mengambil tindakan bagi meningkatkan keupayaan IPT dan mengukuhkan sistem pengajian tinggi bagi melahirkan modal insan dengan minda kelas pertama. Semua dokumen rancangan pembangunan ini bertujuan untuk memastikan anak bangsa Malaysia mempunyai ilmu pengetahuan serta kepakaran yang tinggi bagi penyediaan guna tenaga dalam pelbagai jenis pekerjaan. Di samping itu diharapkan para pelajar dilengkapi dengan kemahiran teknologi maklumat, komunikasi, kebolehan berfikir secara kreatif dan kritis, mengamalkan konsep pembelajaran sepanjang hayat, dan mempunyai nilai yang tinggi serta mampu untuk menjadi pemimpin di dalam keluarga dan masyarakat. Menurut Ruzain Syukur Mansor (2008),

“Keperluan mewujudkan tenaga sumber manusia yang berdaya saing merupakan usaha yang perlu diberi perhatian di abad ini. Baik di sektor swasta mahupun awam, pembentukan modal insan berkualiti mampu menjana produktiviti berlipat ganda serta mengangkat martabat sumber manusia kelas pertama dan bertaraf dunia.”



1.2 PERNYATAAN MASALAH KAJIAN

1.2.1 Kriteria Standard Perguruan Di Luar Negara

Department of Education & Early Development (2008), Alaska dalam “*Standards for Alaska’s Teachers*” telah menyenaraikan lapan standard yang harus dipatuhi oleh seseorang pengajar agar pencapaian pelajar boleh ditingkatkan iaitu

- Guru boleh menyatakan falsafah pendidikan yang ditentukan dan menunjukkan hubungannya dengan amalan guru. (*A teacher can describe the teacher’s philosophy of education and demonstrate its relationship to the teacher’s practice.*)
- Guru memahami cara pembelajaran seseorang pelajar dan mengaplikasikannya dalam amalan pengajaran guru. (*A teacher understands how students learn and develop, and applies that knowledge in the teacher’s practice.*)
- Guru mengajar pelajar dengan menghormati kelainan dan keunikan individu dan ciri-ciri budaya pelajar. (*A teacher teaches students with respect for their individual and cultural characteristics.*)
- Guru mengetahui isi kandungan bagi bidang yang diajarnya dan kaedah yang sesuai untuk menyalurkan ilmu tersebut. (*A teacher knows the teacher’s content area and how to teach it.*)
- Guru membimbing dan mengawasi pembelajaran pelajar. (*A teacher facilitates, monitors, and assesses student learning.*)



- Guru mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menggalakkan proses pembelajaran yang aktif bagi pelajar. (*A teacher creates and maintains a learning environment in which all students are actively engaged and contributing members.*)
- Guru bekerjasama dengan ibu bapa, keluarga dan komuniti. (*A teacher works as a partner with parents, families and the community.*)
- Guru mengambil bahagian dan menyumbang kepada profesion perguruan. (*A teacher participates in and contributes to the teacher profession.*)

Seterusnya, Western Washington Universiti dalam “*Interstate New Teacher Assessment and Support Consortium*” (INTASC, 1992) telah menyatakan bahawa terdapat sepuluh standard yang menentukan prestasi cemerlang seseorang guru. Antara standard yang telah dikenalpasti adalah isi kandungan pedagogi, pembangunan pelajar, kepelbagaian pelajar, kepelbagaian strategik pengajaran, motivasi dan pengurusan, komunikasi dan teknologi, perancangan, penilaian, pertumbuhan profesional, dan penglibatan diri dalam sekolah dan komuniti.

Pejabat ADEPT (*Assisting, Developing, Evaluating, Professional Teaching*) dari South Carolina telah menetapkan sepuluh standard penilaian guru dalam bilik darjah terhadap subjek akademik iaitu standard perancangan jangka pendek (*Short range planning of instruction*) dan panjang (*Long range planning*), penilaian yang dirancang dan penggunaan data (*Planning assesment and using data*), menetapkan jangkaan prestasi pelajar (*Establishing and maintaining high expectations for learners*), strategik pengajaran yang sesuai untuk pelajar (*Using instructional strategies to facilitate*





learning), menyediakan kandungan (*Providing content for learners*), memantau dan membimbing pelajar (*Monitoring and enhancing learning*), mewujudkan suasana pembelajaran yang sesuai (*Maintaining environment that promotes learning*), mengurus bilik darjah dengan berkesan (*Managing the classroom*), dan memenuhi ciri-ciri dan tanggungjawab bagi seorang guru yang profesional (*Fulfilling professional responsibilities beyond the classroom*) (Inez, M. Tenenbaum, 2006).

The International Society for Technology in Education (ISTE, 2008) telah memperkenalkan *National Educational Technology Standards* (NETS.T) pada tahun 2008 sebagai standard model kepada pembentukan guru efektif dalam merancang, melaksanakan, dan menggunakan secara maksima pengalaman pengajaran dalam meningkatkan pembelajaran pelajar. NETS.T telah menetapkan lima standard guru iaitu (1) *Facilitate and inspire student learning and creativity*, (2) *Design and develop digital-age learning experiences and assessments*, (3) *Model digital-age work and learning*, (4) *Promote and model digital citizenship and responsibility* dan akhir sekali (5) *Engage in professional growth and leadership*.

Sehubungan itu, Wisconsin Educator Development and Licensure Standards telah menetapkan sepuluh standard guru dengan bantuan INTASC (Tammy Huth, 2008). Antara sepuluh standard guru adalah seperti berikut:

- Guru mengetahui subjek yang diajar oleh mereka.
- Guru mengetahui proses pertumbuhan intelektual, sosial dan personal pelajar.





- Guru memahami keunikan dan kelainan pada pelajar yang diajar oleh mereka.
- Guru mengetahui cara mengajar yang betul.
- Guru mengetahui cara mengawal kelas dengan baik.
- Guru boleh berkomunikasi dengan berkesan.
- Guru berkebolehan untuk membuat perancangan yang pelbagai bagi tajuk yang diajar mengikut sasaran kurikulum.
- Guru mengetahui cara menilai perkembangan pelajar.
- Guru tahu akan cara menilai diri mereka.
- Guru berhubung dengan komuniti dan ibu bapa pelajar.

Selain itu, *University of Amsterdam* telah mengadakan penganugerahan “*Lecturer of the Year 2008*” melalui persepsi pelajar. Menurut UvA (2008), sebanyak lapan kriteria standard telah dikenalpasti bagi tujuan penganugerahan itu iaitu (1) Komunikasi dengan pelajar (*Accessible and open to establishing personal contact with students*), (2) Maklum balas terhadap perkembangan pelajar (*Provide oral and written feedback on students' progress*), (3) Layanan terhadap pelajar (*Treat students like individual*), (4) Kesabaran terhadap pelajar (*Passionate about his or her instruction and communicates that passion well to students*), (5) Kaedah penilaian (*The methods of evaluation which the lecturer uses are compatible with the working methods and educational goals of the course*), (6) Peralatan mengajar (*The assignments and the materials he or she uses in class are engaging and motivating*), (7) Penyampaian ilmu kepada pelajar (*Communicate knowledge in a way that students retain it and can apply it*



themselves) dan (8) Penggunaan bahasa Inggeris (*Has a command of English to communicate knowledge to students*) (UvA, 2008).

Standard perguruan yang digunakan oleh *National Commission on Accreditation of Teacher Education* (NCATE, 2002) membantu dalam merangka program perguruan di institusi pengajian tinggi. Di bawah program ini, kelayakan instruktur dan kualiti pengajaran mempunyai hubungan kuat dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan program di institusi pengajian tinggi. Antara enam standard yang ditetapkan oleh NCATE adalah

- Pengetahuan, kemahiran dan perangai calon.
- Sistem pengukuran dan penilaian diamalkan.
- Pengalaman mengikut bidang dan latihan klinikal yang dilaluinya.
- Mempunyai kepelbagaian dan kemampuan dalam menjalankan tugas seharian.
- Prestasi, kelayakan dan pembangunan fakulti di institusi pengajian tinggi
- Sumber yang sedia ada dalam sesuatu unit.

1.2.2 Kriteria Standard Perguruan Di Dalam Negara

Anugerah Pendidik Cemerlang Universiti Sains Malaysia 2002 (APC USM) mula diperkenalkan pada tahun 2002. Anugerah APC USM diwujudkan untuk memberi pengiktirafan dan penghargaan terhadap jasa dan pengorbanan para pendidik universiti yang cemerlang yang tidak pernah kenal erti penat lelah dalam mendidik generasi muda yang berwibawa, berkualiti, dan berilmu. Adalah juga menjadi hasrat universiti untuk

memberi insentif bagi menggalakkan pendidik USM supaya terus mencapai kecemerlangan dalam melaksanakan tugas pengajaran dan penyeliaan di pusat pengajian masing-masing. Pihak USM telah membina kriteria standard dalam menilai etika dan profesion perguruan terhadap pencapaian akademik pelajar yang terdiri daripada empat aspek utama iaitu Kualiti Peribadi Pensyarah, Kemahiran Profesional Mengajar dan Berkomunikasi, Kualiti Pengajaran, dan Kemahiran Penyeliaan, Penasihat dan Mentoring (USM, 2002).

Kriteria yang digunakan meliputi semua aspek pengajaran-pembelajaran dan penyeliaan serta penasihat menjurus kepada pengajaran cemerlang. Pengajaran cemerlang adalah pengajaran yang boleh meningkatkan perkembangan diri pelajar yang menyeluruh dari aspek keintelektualan, sosial, personaliti, dan emosi tanpa mengira dalam apa jua situasi pengajaran dilakukan. Menurut Toh (2003), guru yang berkesan adalah guru yang dapat menghasilkan lebih ramai pelajar yang cemerlang dalam peperiksaan. Shahril @ Charil bin Hj Marzuki (2005) menyatakan bahawa

“Amalan pengajaran-pembelajaran guru yang berkesan bermakna pengajaran guru tersebut dianggap baik jika guru tersebut berupaya mempelbagaikan kaedah pengajaran, menyediakan alat bantu mengajar, mendalami isi kandungan yang hendak diajar. Selain itu, guru juga perlu mengetahui akan kebolehan pelajar menerima pelajaran, memberi motivasi kepada pelajar supaya belajar bersungguh-sungguh, dapat mengawal kelakuan pelajar, mengumpulkan pelajar mengikut kumpulan dan memberi penilaian atau ujian yang kerap kepada pelajar. Dengan kata lain pengajaran-pembelajaran berkesan merupakan kebolehan guru

itu sendiri untuk mengajar dengan baik dan berkesan dan dapat memotivasikan pelajar untuk terus belajar bagi mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik.”

Selain itu, penganugerahan Anugerah Pengajar Cemerlang (APC) diadakan setiap tahun di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sebagai pengiktirafan kepada tenaga pengajar. APC yang diadakan di UKM telah menetapkan tiga kriteria standard dalam penganugerahan APC di kalangan pengajar UKM iaitu pengajaran kuliah, personaliti, dan kegiatan pengajar dalam hal ehwal pelajar (UKM, 2005).

Pada Jun 2007, Kementerian Pelajaran telah memperkenalkan Standard Guru Malaysia (SGM) dalam usaha meningkatkan tahap pengajaran 339,882 orang guru di seluruh negara (Sadatul Mahiran Rosli, 2007). Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishamuddin Tun Hussein juga berkata bahawa SGM perlu untuk memastikan semua latihan keguruan yang dijalankan oleh institusi pendidikan dalam dan luar negara memenuhi piawaian bagi melahirkan guru-guru untuk sistem pendidikan Malaysia. SGM menggariskan kompetensi profesional yang patut dicapai oleh guru, dan keperluan yang patut disediakan oleh agensi dan institusi latihan perguruan bagi membantu guru mencapai tahap kompetensi yang ditetapkan. Dokumen ini disediakan sebagai panduan dan rujukan kepada guru, pendidik guru, agensi dan institusi latihan perguruan dalam usaha untuk melahirkan dan melestarikan guru berkualiti. SGM digubal bertujuan untuk mengenalpasti tahap kompetensi profesional guru dalam aspek amalan nilai profesionalisme keguruan, pengetahuan dan kefahaman, serta kemahiran pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, SGM juga bertujuan untuk mengenalpasti tahap penyediaan

dan pelaksanaan keperluan latihan oleh agensi dan institusi latihan perguruan bagi menjamin tahap kompetensi guru yang ditetapkan tercapai. SGM akan dapat mengenalpasti dasar dan strategi pembangunan pendidikan guru yang patut ditambah baik sejajar dengan perkembangan dan cabaran semasa dunia pendidikan. (IPPM, 2008)

Selain itu, Anugerah Pengajaran Putra (APP) telah diperkenalkan pada tahun 2008 sebagai satu pengiktirafan dan penghargaan terhadap komitmen dan inisiatif para pegawai akademik Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam mendidik generasi muda ke arah melahirkan graduan berkualiti dan berdaya saing. Bagi tujuan penganugerahan APP, antara kriteria standard yang ditetapkan adalah seperti berikut (UPM, 2008):

- Hasil inovasi dan daya kreativiti yang tinggi dalam pembangunan pengajaran dan pembelajaran menerusi hasil seperti penulisan nota kuliah, modul dan bahan pengajaran lain.
- Kecemerlangan dalam tugas sebagai pensyarah dan sumbangan dalam pembangunan pengajaran dan pembelajaran berdasarkan penilaian terhadap portfolio pengajaran pensyarah (dokumentasi pengurusan pengajaran).
- Rekod kualiti pengajaran yang cemerlang berdasarkan penilaian pengajaran oleh pelajar dan penilaian rakan sejawat.
- Pengiktirafan berkaitan pengajaran dan pembelajaran daripada universiti atau badan / institusi luar (jika ada).



Pensyarah kita di IPTA telah banyak menaikkan nama negara dengan menerbitkan hasil penyelidikan mereka dalam jurnal yang mempunyai faktor impak yang tinggi, menerbitkan karya asal dalam bentuk buku yang bernilai tinggi, menghasilkan karya seni dan kreativiti terbaik, mengkomersialkan produk penyelidikan dan menjadi pengajar cemerlang. Justeru, untuk memberi pengiktirafan kerajaan yang tertinggi bagi pensyarah universiti / kolej universiti, Anugerah Akademik Negara (AAN) telah diadakan pada tahun 2007. AAN merupakan anugerah tahunan berprestij tinggi yang merangkumi enam kategori utama iaitu (1) Anugerah Tokoh Akademik Negara, (2) Anugerah Penerbitan Makalah Jurnal, (3) Anugerah Penerbitan Buku, (4) Anugerah Inovasi dan Pengkomersilan Produk, (5) Anugerah Seni dan Kreativiti, dan (6) Anugerah Pengajaran. (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2009).



Konsep AAN ini berlandaskan Anugerah Sanggar Sanjung yang telah dilaksanakan oleh USM selama 6 tahun. Ia merupakan pengiktirafan tertinggi universiti yang diberikan kepada pensyarah berdasarkan kecemerlangan dan pengiktirafan yang telah diperoleh.

Bagi Anugerah Pengajaran, ia bertujuan memberi pengiktirafan dan sanjungan kepada pensyarah yang telah melaksanakan tanggungjawab pengajaran dan membimbing pelajar dengan penuh dedikasi, komited, dan sempurna selama sekurang-kurangnya 10 tahun untuk melahirkan siswazah yang berkualiti. Penganugerahan ini adalah berpandukan kriteria-kriteria seperti berikut: (1) Pengetahuan dan kemahiran berkaitan dengan pengajaran, (2) Persediaan pengajaran, (3) Kaedah pengajaran, (4) Kaedah penilaian pembelajaran, dan (5) Bimbingan dan penyeliaan.





Memandangkan standard-standard yang ditetapkan bagi institusi-institusi adalah berbeza sama ada di dalam atau di luar negara, persoalannya apakah standard yang betul-betul dapat menjamin kualiti pengajaran pensyarah di politeknik terhadap kepentingan pelajar dalam pencapaiannya sama ada dalam kurikulum, kokurikulum ataupun perkembangan potensi pelajar dari segi intelek, emosi, jasmani, dan rohani.

Dalam kajian ini, kriteria standard yang dicadangkan oleh USM telah dipilih sebagai rujukan utama. Standard ini dipilih kerana ia telah mencerminkan sistem pendidikan di negara kita dan setiap tenaga akademik dapat menggunakan standard ini untuk pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bagi memastikan pencapaian akademik setiap pelajar dapat ditingkatkan. Standard ini juga sesuai dengan keadaan dan persekitaran pelajar di Malaysia di mana para pelajar di Malaysia digalakkan untuk melahirkan sikap yang baik hasil didikan guru dan juga sikap tanggungjawab di antara pelajar dengan guru. Bagi menyokong sektor pendidikan di Malaysia, maka wajarlah segala bentuk cadangan dan susulan yang dikemukakan oleh para ahli akademik yang profesional dipertimbangkan dan digunapakai. Permasalahannya, sejauh manakah dan apakah kriteria-kriteria standard yang ditetapkan dapat mempengaruhi pencapaian akademik para pelajar? Dengan ini, kajian ini cuba mengetengahkan kriteria-kriteria profesion tenaga pengajar terhadap pencapaian pelajar di Politeknik Kuching Sarawak. Kriteria-kriteria yang dikaji adalah dari segi kualiti peribadi pensyarah, kemahiran profesional mengajar dan berkomunikasi, kualiti pengajaran, dan kemahiran penyeliaan, penasihat, dan mentoring.



1.3 OBJEKTIF KAJIAN

1.3.1 Objektif Umum

Kajian ini dijalankan dengan objektif untuk menilai kriteria standard yang diamalkan oleh seseorang pensyarah di Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dalam usaha meningkatkan pencapaian akademik pelajar di Politeknik Kuching Sarawak. Kriteria standard yang dikaji meninjau pensyarah politeknik daripada aspek kualiti peribadi, kemahiran profesional mengajar dan berkomunikasi, kualiti pengajaran dan kemahiran penyeliaan, penasihat dan mentoring terhadap pencapaian akademik pelajar.

1.3.2 Objektif Khusus

Kajian ini dijalankan berdasarkan objektif-objektif khusus seperti berikut:

1. Menentukan kriteria standard yang utama diamalkan oleh pensyarah mengikut persepsi pelajar.
2. Mengenalpasti perbezaan antara kriteria standard pensyarah dalam pengajaran dengan persepsi pelajar mengikut faktor demografi.
3. Menentukan hubungan antara kualiti pensyarah terhadap pencapaian pelajar.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Hasil daripada kajian ini dapat digunakan untuk menjawab soalan-soalan berikut:

1. Apakah kriteria standard yang utama diamalkan oleh pensyarah mengikut persepsi pelajar?
2. Adakah terdapat perbezaan dari segi persepsi pelajar mengikut jantina terhadap kualiti peribadi pensyarah?
3. Adakah terdapat perbezaan dari segi persepsi pelajar mengikut jantina terhadap kemahiran profesional mengajar dan berkomunikasi pensyarah?
4. Adakah terdapat perbezaan dari segi persepsi pelajar mengikut jantina terhadap kualiti pengajaran pensyarah?
5. Adakah terdapat perbezaan dari segi persepsi pelajar mengikut jantina terhadap kemahiran penyeliaan, penasihat, dan mentoring pensyarah?
6. Adakah terdapat perbezaan dari segi persepsi pelajar mengikut bangsa terhadap kualiti peribadi pensyarah yang berkesan?
7. Adakah terdapat perbezaan dari segi persepsi pelajar mengikut bangsa terhadap kemahiran profesional dan berkomunikasi pensyarah yang berkesan?
8. Adakah terdapat perbezaan dari segi persepsi pelajar mengikut bangsa terhadap kualiti pengajaran pensyarah yang berkesan?
9. Adakah terdapat perbezaan dari segi persepsi pelajar mengikut bangsa terhadap kemahiran penyeliaan, penasihat, dan mentoring pensyarah yang berkesan?



10. Adakah wujud hubungan antara kualiti peribadi pensyarah dengan pencapaian pelajar dalam peperiksaan?
11. Adakah wujud hubungan antara kemahiran profesional mengajar dan berkomunikasi pensyarah dengan pencapaian pelajar dalam peperiksaan?
12. Adakah wujud hubungan antara kualiti pengajaran pensyarah yang baik dengan pencapaian pelajar dalam peperiksaan?
13. Adakah wujud hubungan antara kemahiran penyeliaan, penasihat, dan mentoring yang sesuai dengan pencapaian pelajar dalam peperiksaan?

1.5 HIPOTESIS KAJIAN

Hipotesis kajian ini adalah berdasarkan pernyataan masalah dan objektif kajian seperti yang telah dinyatakan di atas. Hipotesis kajian ini adalah seperti berikut:

- Ho₁ : Tidak terdapat perbezaan dari segi persepsi pelajar mengikut jantina terhadap kualiti peribadi pensyarah.
- Ho₂ : Tidak terdapat perbezaan dari segi persepsi pelajar mengikut jantina terhadap kemahiran profesional mengajar dan berkomunikasi pensyarah.
- Ho₃ : Tidak terdapat perbezaan dari segi persepsi pelajar mengikut jantina terhadap kualiti pengajaran pensyarah.
- Ho₄ : Tidak terdapat perbezaan dari segi persepsi pelajar mengikut jantina terhadap kemahiran penyeliaan, penasihat, dan mentoring pensyarah.
- Ho₅ : Tidak terdapat perbezaan dari segi persepsi pelajar mengikut



bangsa terhadap kualiti peribadi pensyarah yang berkesan.

Ho₆ : Tidak terdapat perbezaan dari segi persepsi pelajar mengikut bangsa terhadap kemahiran profesional dan berkomunikasi pensyarah yang berkesan.

Ho₇ : Tidak terdapat perbezaan dari segi persepsi pelajar mengikut bangsa terhadap kualiti pengajaran pensyarah yang berkesan.

Ho₈ : Tidak terdapat perbezaan dari segi persepsi pelajar mengikut bangsa terhadap kemahiran penyeliaan, penasihat, dan mentoring pensyarah yang berkesan.


Ho₉ : Tidak terdapat hubungan antara kualiti peribadi guru dengan pencapaian pelajar dalam peperiksaan.

Ho₁₀ : Tidak terdapat hubungan antara kemahiran profesional mengajar dan berkomunikasi pensyarah dengan pencapaian pelajar dalam peperiksaan.

Ho₁₁ : Tidak terdapat hubungan antara kualiti pengajaran pensyarah yang baik dengan pencapaian pelajar dalam peperiksaan.

Ho₁₂ : Tidak terdapat hubungan antara kemahiran penyeliaan, penasihat, dan mentoring yang sesuai dengan pencapaian pelajar dalam peperiksaan.

1.6 RANGKA KONSEPTUAL KAJIAN



1.7 BATASAN KAJIAN

Antara batasan-batasan dalam kajian ini adalah seperti berikut:

1. Tempat kajian dilakukan hanya melibatkan Politeknik Kuching Sarawak. Sampel kajian terdiri daripada 234 orang pelajar dari mana-mana enam jabatan pengajian yang mempunyai pelajar tersendiri di bawah program pengajian yang ditawarkan di Politeknik Kuching Sarawak. Hanya pelajar daripada Semester 4 di bawah program peringkat pengajian sijil dan pelajar daripada Semester 5 di bawah program peringkat pengajian diploma dipilih sebagai responden dalam kajian ini.
2. Kajian ini hanya menggunakan soal selidik sebagai instrumen untuk mendapat maklumat kajian. Maklumat yang lebih terperinci seperti penyediaan nota kuliah, penilaian kurikulum, dan kaedah penyampaian kuliah tidak diselidik secara pemerhatian, eksperimen, dan temuduga.
3. Penilaian yang dibuat oleh responden hanya tertumpu kepada pensyarah yang mengajar kursus B1001 Matematik Kejuruteraan 1, B1008 Matematik atau P1107 Statistik. Justeru, dapatan kajian tidak boleh digeneralisasikan kepada semua pensyarah di politeknik di seluruh Malaysia.



4. Terdapat banyak faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya bertujuan untuk mengetahui sejauh manakah kriteria standard pensyarah terhadap pencapaian pelajar dalam 4 aspek iaitu kualiti peribadi, kemahiran profesional mengajar dan berkomunikasi, kualiti pengajaran dan penyeliaan, dan penasihat dan mentoring.
5. Oleh kerana kriteria standard pensyarah dinilai oleh responden iaitu pelajar-pelajar yang dipilih. Keadaan ini mungkin boleh mewujudkan bias di kalangan pelajar terhadap pensyarah yang mengajar Matematik Kejuruteraan 1, Matematik 1 atau Statistik.

1.8 KEPENTINGAN KAJIAN



Kajian ini perlu dilaksanakan untuk memberi kesedaran kepada para pensyarah di politeknik agar mereka dapat mengenalpasti ciri-ciri berkualiti dalam pengajaran yang harus ada pada diri mereka. Tindakan ini wajar supaya matlamat Pelan Strategi Pendidikan Tinggi Negara dalam memperkasakan institusi pengajian tinggi dapat direalisasikan melalui pengambilan tenaga akademik yang berkualiti, berpengetahuan, dan berpengalaman luas (Utusan Malaysia, 26 Julai 2008).

Kajian ini boleh menjadi inspirasi untuk kajian-kajian yang lebih terperinci demi manfaat pendidikan tinggi di negara kita terutama dalam usaha untuk menghasilkan pensyarah efektif dan berkualiti serta memperkasa ketrampilan mereka ke arah





pencapaian visi dan misi politeknik agar graduan politeknik yang lebih komited, berilmu, bermutu, dan berkeyakinan sahaja dapat dilahirkan. Para pensyarah harus mengambil inisiatif untuk melakukan penilaian sendiri berpandukan kriteria standard pensyarah dan bukan semata-mata berpandukan keputusan pencapaian pelajar dalam peperiksaan sahaja. Menurut Campbell et al. (2003), *"...evaluating teachers based primarily on achievement scores of a class without considering their own self-evaluation may prematurely label teachers as less effective"*.

Selain itu, kajian ini diharapkan dapat memberi gambaran terperinci mengenai aspek-aspek utama yang menjadi ciri-ciri kualiti dalam pengajaran. Ia juga berfokuskan dalam penyampaian maklumat kepada bakal pensyarah di politeknik dan pensyarah-pensyarah yang sedang berkhidmat mengenai ciri-ciri yang baik untuk membantu pelajar bagi meningkatkan tahap intrapersonal dan interpersonal.

Kajian ini juga dijalankan bagi memberi kesedaran kepada pensyarah di politeknik tentang kepentingan mengamalkan nilai-nilai profesional dalam usaha meningkatkan mutu pendidikan para pelajar. Tindakan ini sejajar dengan hasrat kerajaan untuk melaksanakan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara untuk mencetuskan transformasi dan membawa perubahan kepada pengajian tinggi di negara kita (Habibah Omar dan Muhd. Nizam Yatim, 2007). Di bawah rancangan jangka panjang yang dinamakan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara Melangkaui Tahun 2020 itu, Perdana Menteri telah menetapkan matlamat untuk meningkatkan kualiti pelajar, keupayaan pensyarah, infrastruktur IPT, dan membina rangkaian dengan institusi-institusi pendidikan tinggi ternama dunia. Justeru, kajian ini diperlukan agar dapat



memberi panduan kepada pensyarah di politeknik dalam usaha mengenalpasti kekuatan dan kelemahan di kalangan pengajaran pensyarah.

1.9 DEFINISI OPERASIONAL

Bahagian ini memberi definisi kepada beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini agar tidak menimbulkan kekeliruan dan salah tafsir.

1.9.1 Pensyarah

Menurut Cornell (1976), pendidik adalah orang yang memainkan peranan penting dan mengetahui tentang cara bagaimana pendidikan dilaksanakan dengan efektif dan memastikan tugasnya dapat mencapai matlamat yang telah ditentukan oleh pendidikan. Dalam kajian ini, pensyarah merujuk kepada kakitangan akademik yang berkhidmat di mana-mana jabatan akademik di Politeknik Kuching Sarawak yang dikategorikan sebagai Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT). Orientasi kerja pensyarah termasuk tugas memberi kuliah, peperiksaan, membuat kajian, dan melakukan penilaian ke atas pencapaian akademik pelajar.

1.9.2 Kriteria

Mengikut kamus Oxford (2000), kriteria didefinisikan sebagai “*a standard or principle by which something is judged or with the help of which a decision is made*”. Dalam kajian ini, kriteria merujuk kepada penetapan yang telah digunakan oleh USM dalam

menilai profesion perguruan di kalangan kakitangan akademik USM terhadap pencapaian pelajar.

1.9.3 Standard

Mengikut IPPM (2008) dalam laman web glosari SGM, standard merujuk kepada pernyataan kompetensi profesional yang patut dicapai oleh guru. Abdul Halim Yusof & Jalal Ali Abdul Rahim (2007) turut mendefinisikan standard sebagai tahap pencapaian dijangka mengikut setiap kriteria dan menjadi penunjuk prestasi. Standard diperincikan kepada dua tahap pencapaian. Kegunaan dua tahap ini bertujuan untuk memberi pengiktirafan sekolah berada di tahap perkembangan berbeza-beza dan menekankan penambahbaikan kualiti sebagai satu proses berterusan. Justeru, perlu ada keanjalan dan keinginan menyemai kepelbagaian untuk memudahkan perkembangan kreatif dalam pendidikan. Mengikut Kamus Oxford (2000), standard didefinisikan sebagai *“a level of quality that is normal and acceptable, especially one that people think is available”*. Dalam kajian ini, standard yang digunakan adalah empat aspek yang telah ditetapkan oleh USM iaitu Kualiti Peribadi Pensyarah, Kemahiran Profesional Mengajar dan Berkomunikasi, Kualiti Pengajaran, dan akhir sekali Kemahiran Penyeliaan, Penasihat dan Mentoring.

1.10 SKOP KAJIAN

Kajian ini hanya bertujuan untuk menentukan kriteria standard yang utama diamalkan di kalangan pensyarah-pensyarah Politeknik Kuching Sarawak mengikut persepsi pelajar.

Dalam kajian ini, pencapaian pelajar dalam kursus-kursus B1001 Matematik Kejuruteraan 1, B1008 Matematik 1 atau P1107 Statistik 1 adalah pembolehubah bersandar manakala faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar iaitu faktor kualiti peribadi pensyarah, kemahiran profesional / mengajar dan berkomunikasi, kualiti pengajaran, dan akhir sekali kemahiran penyeliaan, penasihat, dan mentoring di kalangan pensyarah adalah pembolehubah-pembolehubah tak bersandar.

Borang soal selidik yang disediakan oleh Universiti Sains Malaysia untuk menilai kriteria standard di kalangan pensyarah USM dalam Anugerah Pendidik Cemerlang USM pada tahun 2006 telah dipilih di mana ia menjurus kepada objektif kajian ini. Keputusan hasil kajian ini bergantung kepada kefahaman dan keikhlasan responden apabila menjawab item-item dalam soal selidik yang diedarkan dan juga jumlah pulangan soal selidik setelah responden menjawab soal selidik itu.

1.11 KESIMPULAN

Bab ini telah membincangkan pengenalan kajian melihat dari aspek harapan dan aspirasi Wawasan 2020, Misi Nasional, pelaksanaan Skim Perkhidmatan PPPT, penubuhan JPPKK, profesion pensyarah di politeknik, dan pembentukan modal insan kelas pertama. Selain itu, bab ini juga membincangkan pernyataan masalah kajian, objektif kajian secara umum dan khusus, persoalan dan hipotesis kajian, rangka konseptual kajian, batasan kajian, kepentingan kajian, definisi operational, dan skop kajian dalam kajian ini.